



National Mortgage Corporation of Malaysia



IFC dan Cagamas Memacu Ke Arah Kewangan dan Kemampanan Bangunan Hijau di Malaysia

Kuala Lumpur, Malaysia, 17 Mac 2025 – Perbadanan Kewangan Antarabangsa (IFC), institusi pembangunan global terbesar yang memberi tumpuan kepada sektor swasta dalam pasaran baru muncul dan ahli Kumpulan Bank Dunia, telah menandatangani memorandum persefahaman dengan Cagamas Berhad (Cagamas), Perbadanan Cagaran Malaysia, untuk memajukan kewangan bangunan hijau di Malaysia, seterusnya menyokong matlamat pembangunan mampan negara.

Kerjasama ini bertujuan untuk menggalakkan pelaburan pintar iklim dalam sektor perumahan dan bangunan yang lebih meluas dan meningkatkan kapasiti institusi kewangan untuk mengeluarkan produk kewangan bangunan hijau yang seajar dengan matlamat iklim Malaysia, termasuk bon hijau, talian kredit hijau, dan pembiayaan untuk teknologi penyejukan yang mampan. Ia juga bertujuan untuk membantu institusi kewangan membina saluran projek boleh dibankakan dan mengurus risiko alam sekitar, sosial dan iklim dalam sektor pembinaan, serta memudahkan dialog dan pertukaran pengetahuan dalam menangani halangan kepada pembangunan perumahan mampan antara sektor awam dan sektor perbankan, antara inisiatif lain. Kerjasama ini juga bertujuan menjadikan perumahan hijau lebih mampu milik dan mudah diakses oleh golongan berpendapatan rendah dan wanita di Malaysia dengan mengembangkan pasaran produk gadai janji hijau dan menangani jurang kewangan perumahan yang lain.

Memperluaskan pasaran yang semakin meningkat untuk pembiayaan bangunan hijau adalah penting bagi Malaysia untuk merealisasikan matlamatnya untuk mencapai pelepasan sifar bersih menjelang 2050, dengan memberikan peluang besar dalam sektor ini.

“Kami gembira dapat bekerjasama dengan Cagamas dalam penglibatan ini, yang mana akan memainkan peranan penting dalam menyokong bukan sahaja keperluan yang semakin meningkat untuk perumahan hijau di Malaysia, tetapi juga agenda keterangkuman negara,” kata Judith Green, Pengurus Negara bagi Kumpulan Bank Dunia di Malaysia. “Bersama-sama, kami menyasarkan untuk menambah baik akses kepada perumahan dan mengurangkan pelepasan,

menggalakkan pelaburan pintar iklim dalam sektor pembinaan, dan mengukuhkan kapasiti sektor kewangan untuk menyokong Malaysia dalam mencapai komitmen iklimnya di bawah Perjanjian Paris.”

“Kerjasama ini menandakan komitmen Cagamas untuk memacu pembangunan mampan bagi mempromosikan perumahan hijau dan mampu milik untuk semua rakyat Malaysia, dan kami teruja untuk bekerjasama dengan IFC ke arah merealisasikannya,” kata Kameel Abdul Halim, Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Cagamas. “Di Cagamas, kami memahami bahawa peralihan kepada amalan hijau merentasi sektor memerlukan sumber kewangan yang signifikan dan pendekatan inovatif. Melalui perkongsian ini, kami menyasarkan untuk meluaskan akses kepada pilihan gadai janji hijau dan bekerjasama dengan institusi kewangan untuk mewujudkan pasaran perumahan yang lebih inklusif dan mampan yang menyumbang kepada Malaysia yang lebih hijau.”

Kerjasama ini merupakan penglibatan pertama dalam sektor bangunan hijau di Malaysia untuk IFC, yang mewujudkan kehadirannya di negara ini pada 2023.



National Mortgage Corporation of Malaysia



Mengenai IFC

IFC — ahli Kumpulan Bank Dunia — ialah institusi pembangunan global terbesar yang memberi tumpuan kepada sektor swasta dalam pasaran baru muncul. Kami bekerja di lebih daripada 100 negara, menggunakan modal, kepakaran dan pengaruh kami untuk mencipta pasaran dan peluang di negara-negara membangun. Pada tahun fiskal 2024, IFC komited merekodkan \$56 bilion kepada syarikat swasta dan institusi kewangan di negara membangun, memanfaatkan penyelesaian sektor swasta dan menggerakkan modal swasta untuk mewujudkan dunia yang bebas daripada kemiskinan di planet yang boleh didiami. Untuk maklumat lanjut, layari www.ifc.org.

Mengenai Cagamas

Cagamas Berhad (Cagamas), Perbadanan Cagaran Malaysia, telah ditubuhkan pada 1986 untuk menggalakkan tebaran pemilikan rumah yang lebih luas dan pertumbuhan pasaran gadai janji sekunder di Malaysia. Ia menerbitkan bon dan sukuk untuk membiayai pembelian pinjaman perumahan daripada institusi kewangan dan bukan institusi kewangan. Penyediaan mudah tunai kepada institusi kewangan pada kos yang berpatutan kepada Peminjam utama pembiayaan perumahan menggalakkan pengembangan pembiayaan untuk rumah pada kos yang berpatutan.

Model Cagamas memperoleh pujian daripada Bank Dunia sebagai kemudahan mudah tunai gadai janji sekunder yang paling berjaya. Cagamas merupakan penerbit instrumen hutang kedua terbesar selepas Kerajaan Malaysia dan penerbit bon korporat dan sukuk AAA terbesar dalam pasaran. Sejak diperbadankan pada tahun 1986, Kumpulan Cagamas telah mengumpulkan dana secara kumulatif kira-kira RM462 bilion bon korporat dan sukuk.

Bon dan sukuk Cagamas terus diberikan penarafan tertinggi AAA/Stabil/P1 oleh RAM Rating Services Berhad dan AAA/MARC-1 dan AAA_{IS}/MARC-1_{IS} oleh Malaysian Rating Corporation Berhad, menandakan kualiti kreditnya yang kukuh. Cagamas juga dipuji di peringkat antarabangsa dan telah diberikan penarafan penerbit jangka panjang dalam mata wang tempatan dan asing A3 oleh Moody's Investors Service Inc. yang selaras dengan penarafan kedaulatan Malaysia.

Pertanyaan Media

IFC

Alec Macfarlane

+1 202 203 8324

amacfarlane@ifc.org

Cagamas Berhad

Lucia Wee

Tel: +603 - 2262 1868

communications@cagamas.com.my